

## 7 BADAN AKAN SERTAI 'PESTA SILAT'

*pencak silat*  
SEBANYAK tujuh buah persatuan seni silat di sini akan menyertai peraduan seni silat dalam Pesta Silat Kebangsaan pada 6 Ogos nanti di Panggung Negara.

Regu-regu yang menang dalam peraduan di malam itu, akan diberi peluang menunjukkan persembahannya dalam Pesta Demonstrasi Silat Tiga Negara — Malaysia, Indonesia dan Singapura — yang akan diadakan pada malam berikutnya, 7 Ogos.

Seorang jurucakap dari Persekutuan Seni Silat Singapura (Persisi) yang mengajarkan pesta tersebut, menjelaskan bahawa pesta tahun ini yang merupakan sebahagian daripada acara Pesta Sukan Kebangsaan, diadakan juga sempena ulangtahun kedua Persisi.

Acara kemuncak di malam peraduan, katanya, ialah persembahan silat kebatin daripada Kuningan dan Silat Sunda serta Al-haq.

Sementara pada malam berikutnya, acara kemuncak dijangka akan merupakan persembahan silat dari wakil-wakil yang dipilih oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia serta Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI). — **5 JUL 1977**

Jurucakap tersebut juga menjelaskan bahawa tiket-tiket untuk menonton peraduan dan demonstrasi silat itu sedang dijual sekarang di kedua-dua buah toko buku Haji Hashim iaitu di Geylang dan Arab Street.

Selain dari itu, tiket-tiket juga boleh dibeli dari Kedai Gunting Mohd Ali di Woh Hup Complex, Beach Road dan cawangannya di Pusat Membeli-belah Queensway serta dari tujuh buah kerabat Persisi iaitu Perwanit, Pasak, Himpunan Queenstown, Persatuan Bawean, Badan Kesenian Melayu, Pertapis dan Perensi.

Tiket-tiket untuk menonton peraduan berharga \$2, \$3 dan \$5 sementara untuk malam demonstrasi, tiket-tiket berharga \$3, \$6 dan \$10.

## Rombongan Silat Lincah lawat negara2

**-7 JUL 1977**

### Asean

*pencak silat*

**KUALA LUMPUR,** Rabu. — Persatuan Silat Lincah Malaysia akan mengirim rombongan khasnya ke negara-negara Asean untuk meninjau pandangan negara-negara tersebut mengenai pembentukan Majlis Silat Antarabangsa Asean.

Persatuan itu telah mencapai kesiapan dengan Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI) untuk membentuk apa yang dinamakan Federasi Silat Antarabangsa. Malaysia telah dipilih menjadi sekretariat federasi tersebut.

Mahaguru Silat Lincah Malaysia, Encik Omar Din Maju memberitahu, rombongannya akan singgah di Hong Kong, Burma, Bangkok, Indonesia dan Filipina.

"Rombongan kami terdiri dari lima pendekar kanan, termasuk saya sendiri, bertolak pada hari Sabtu ini ke Hong Kong," kata Encik Omar Din.

### Pakar2

**-7 JULI 1977**

Menurutnya, langkah pertama rombongan itu ialah mengadakan rundingan dengan pakar-pakar ilmu mempertahankan diri Hong Kong, kemudian ke Burma dan ke Bangkok. "Sebelum itu kita akan singgah ke Sabah untuk melihat perkembangan silat di sana," katanya sambil menerangkan dalam perjalanan pulang rombongan itu akan singgah pula di Sarawak.

Perbincangan peringkat pertama untuk membentuk Federasi Silat Antarabangsa itu telah diadakan oleh Persatuan Silat Lincah Malaysia dengan IPSI bulan lalu. Hasilnya sebuah sekretariat sementara telah dibentuk dan PSLM dilantik menjadi sekretariat tersebut.

Rundingan selanjutnya akan dijalankan November ini. Bulan depan, serombongan ahli Silat Lincah Malaysia akan melawat Indonesia dan Manila untuk mengadakan rundingan lanjut penubuhan tersebut.

"Kami perlukan pandangan rasmi dari semua negara Asean mengenai ranggan ini," kata Encik Omar Din. Rombongannya akan menjelajah negara-negara berkenaan mulai Sabtu ini hingga 200 Julai.

## 4 ahli Lincah lawat tiga negara

**10 JUL 1977**

*pencak silat*

**Berdasarkan**

**KUALA LUMPUR,** Sabtu. — Satu rombongan empat orang dari Pertubuhan Silat Lincah Malaysia akan berlepas ke Hong Kong, Filipina, Za dan Bangkok, esok untuk mengadakan perbincangan menubuhkan Federasi Silat Antarabangsa tersebut.

Beliau menyatakan pada mulanya telah disetujui federasi tersebut dianggotai oleh negara-negara Asean sahaja.

Rombongan tersebut, diketuai oleh Pengerusi Tetap Pertubuhan Silat Lincah Malaysia, Mahaguru Omardin bin Marjub, akan juga melawat Sabah dan Sarawak.

Mahaguru Omardin memberitahu hari ini, Malaysia telah dipilih sebagai anggota.

Tetapi, katanya, sekretariat itu memutuskan untuk meluaskan keanggotaannya, temasuk Hong Kong dan Burma.

Beliau juga membayangkan kemungkinan federasi itu mengundang Korea dan Jepun sebagai anggota.